

Permohonan bazar Ramadan seliaan penganjur terbatal

SHAH ALAM - Dewan Bandaraya Kuala Lumpur (DBKL) memaklumkan pelawaan bagi permohonan tapak bazar Ramadan di seluruh Parlimen Kuala Lumpur melibatkan seliaan penganjur terbatal.

DBKL dalam kenyataannya memberitahu, iklan berkaitan pelawaan kepada orang ramai berkaitan permohonan tapak bazar Ramadan itu sebelum ini disiarkan di Facebook DBKL pada 23 Oktober lalu.

Menurutnya, sebanyak empat lokasi bazar Ramadan di bawah pihak berkuasa tempatan itu yang diiklankan pada tarikh sama turut terbatal.

Katanya, lokasi tersebut ialah tempat letak kereta di Taman Tasik Permaisuri; Jalan 3/27A di Wangsa Maju Seksyen 1; UTC Sentul dan Jalan Telawi 1 hingga Jalan Telawi 4 di Bangsar.

Bagaimanapun jelasnya, pelawaan bagi permohonan tapak bazar Aidilfitri di Lorong Tuanku Abdul Rahman pula sah.

"Satu pelawaan baharu akan disiarkan semula melibatkan semua lokasi bazar Ramadan.

"Namun, tarikh tutup permohonan kekal pada 6 November ini," ujar kenyataan itu.



SENARAI TAPAK BAZAR RAMADAN TERBATAL

- Tempat letak kereta di Taman Tasik Permaisuri
- Jalan 3/27A di Wangsa Maju Seksyen 1
- UTC Sentul
- Jalan Telawi 1 hingga 4 di Bangsar

DBKL akan umum pelawaan baharu yang akan disiarkan semula melibatkan semua lokasi bazar Ramadan.